

Umno Wilayah Persekutuan Tidak Mahu Najib, Muhyiddin Dicabar Bernama
17 June, 2013

KUALA LUMPUR, 17 Jun (Bernama) -- Umno Wilayah Persekutuan berpendapat dua jawatan tertinggi parti yang masing-masing disandang Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dan Timbalannya Tan Sri Muhyiddin Yassin tidak perlu dipertandingkan pada pemilihan tahun ini.

Setiausaha Badan Perhubungan Umno Wilayah Persekutuan Datuk Seri Syed Ali Alhabsee berkata Najib dan Muhyiddin selaku Presiden dan Timbalan Presiden masing-masing, adalah gandingan yang baik untuk memajukan parti, lebih-lebih lagi mereka 'orang lama' dalam politik Umno.

"Kenapa harus dipertandingkan kerana kita melihat gandingan Datuk Seri Najib dan Tan Sri Muhyiddin begitu baik sekali sehinggakan Umno dapat menambah bilangan kerusi daripada 79 kepada 89 kerusi atas keyakinan orang-orang Melayu terhadap Umno," katanya kepada pemberita di Pusat Rekreasi Umno Bahagian Cheras dekat sini.

Bagaimanapun Syed Ali berkata sebagai sebuah parti demokrasi, Umno tidak akan menghalang jika ada anggota yang berhasrat menandingi dua jawatan tertinggi itu, akan tetapi mereka wajar melihat keupayaan diri terlebih dahulu.

"Tengok cermin dahulu, jangan ikut hawa nafsu dan perasaan. Kalau tanya pandangan saya sebagai anggota parti saya lebih gemar jawatan nombor satu dan dua ini ini tidak dipertandingkan," katanya.

Sementara itu dalam laman blog www.umnobahagian.cheras.blogspot.com, Syed Ali yang juga Ketua Umno Bahagian Cheras menafikan tohmohan sesetengah pihak kononnya demokrasi dalam UMNO sudah mati berikutan majoriti ahlinya mahu jawatan presiden dan timbalan presiden tidak dipertandingkan pada pemilihan parti hujung tahun ini.

UMNO sejak dulu sehingga sekarang menjunjung semangat demokrasi, setiap ahli parti ada hak untuk menawarkan diri bertanding bagi sesuatu jawatan, katanya.

Oleh sebab itu katanya, UMNO meminda perlembagaannya bagi membolehkan pencalonan dibuat secara terbuka oleh seluruh-ahli-ahlinya di peringkat bahagian.

Tuduhan kononnya demokrasi sudah mati dalam UMNO hanya digembar-gemburkan oleh pembangkang, jadi kenapa kita perlu terikut-ikut dengan persespsi negatif itu, tegasnya.

Syed Ali berkata buat masa ini gandingan Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak bersama timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin merupakan regu terbaik untuk memimpin dan meneruskan kecemerlangan halatuju parti.

Katanya, gandingan Najib dan Muhyiddin tidak ada cacat celanya malah mendapat sokongan padu daripada majoriti ahli-ahli UMNO dan rakyat secara keseluruhannya.

"Kalau gandingan itu sudah baik dan ampuh, kenapa perlu dipertandingkan, kekalkanlah mereka berdua," tegas beliau.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=956648>